



BOT-BOT nelayan berlabuh di muara Sungai Marang berhampiran Pulau Kekabu sepanjang musim tengkujuh. - UTUSAN/MOHD. LAZIM ENDUT

Elaun sara hidup penting



Rintihan
RAKYAT

Oleh **MOHD. LAZIM ENDUT**

pengarang@utusan.com.my

■ **MARANG 17 DIS. UM 18/12/18**

KEHIDUPAN sebagai nelayan bukan sahaja dikaitkan dengan kemiskinan tetapi terpaksa mempertaruhkan nyawa demi kelangsungan hidup mencari rezeki bagi menyara ke-



KAMARUZAMAN



ISMAIL ABDULLAH



MOHAMAD ABDULLAH



OSMAN SALLEH

selain menangkap ikan.

“Walaupun laut bergelora di musim tengkujuh, kami sanggup bertarung maut demi sesuap nasi

bulan,” katanya.

Rakannya, **Ismail Abdullah**, 62, dari Kampung Kijing memberitahu, dia sudah lama tidak

Bagi nelayan, **Mohamad Abdullah**, 55, dari Kampung Rhu Dua menyifatkan elaun sara hidup yang diterima nelayan setiap bulan dianggap sebagai 'penawar' hidup bagi menceriakan anggota keluarga dan meminta kerajaan tidak meng-

hentikan bantuan tersebut.

“Elaun itu merupakan nafas bagi kami dan sekurang-

uarga terutama ketika tibanya musim tengkujuh di negeri-negeri pantai timur ketika ini.

Malah, bagi kebanyakan nelayan di negeri ini, musim tengkujuh yang bermula setiap Oktober hingga Februari itu bukanlah waktu untuk mereka 'bercuti' daripada keluar menangkap ikan meskipun terpaksa berhadapan ancaman ombak besar serta angin kencang.

“Keadaan seperti ini sudah lumrah bagi kami sebagai nelayan.” Kehidupan kami adalah di laut dan kebanyakan mereka tidak tahu melakukan kerja lain

untuk keluarga,” cerita **Kamaruzaman Abdul Rahman**, 47, yang tinggal di Kampung Rhu Rendang, di sini hari ini.

Kamaruzaman yang telah menjadi nelayan sejak 30 tahun lalu berharap kerajaan akan terus membantu golongan ini dengan mengekalkan elaun sara hidup nelayan sebanyak RM300 sebulan dan juga subsidi minyak diesel serta petrol.

“Melalui bantuan itu dapat membantu mengurangkan bebanan hidup apatah lagi setiap bulan terpaksa membayar pinjaman membeli bot RM280 se-

keluar ke laut kerana menghadapi masalah kesihatan iaitu sakit jantung sejak lebih setahun lalu dan doktor menasihatinya berehat.

“Memandangkan terlalu lama tidak keluar menangkap ikan, elaun sara hidup nelayan juga dihentikan dan kehidupan saya serta keluarga kini bergantung kepada bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Saya juga tidak mampu melakukan kerja lain dan berharap kerajaan akan terus membantu golongan seperti kami,” ujarinya yang mempunyai tiga orang anak.

kurangnya tidak perlu berhutang apabila terdesak wang. Ketika musim tengkujuh kami keluar mencari rezeki sekiranya keadaan laut tidak terlalu bahaya,” katanya yang bekerja sebagai nelayan sejak berpuluh tahun lalu dan kini menggunakan bot gentian kaca.

Seorang lagi nelayan dari Kampung Bukit Gasing, **Osman Salleh**, 62, turut mengharap-kan kerajaan dapat meneruskan pemberian elaun itu dan subsidi petrol serta diesel kepada mereka bagi meringankan beban ditanggung oleh golongan sepertinya.